

Tujuh projek dilaksanakan atasi kemiskinan bandar

Oleh SHARILFUDDIN SAARI

MENGGATAL 10 Okt. - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menggariskan tujuh projek di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) dalam Rancangan Malaysia Ke-sembilan (RMK-9) bagi membasmi kemiskinan di kawasan bandar.

Tujuh projek itu ialah Perumahan Keluarga Miskin, Pengurangan Beban Tanggungan Keluarga, Pusat Sejahtera, Penjana Pendapatan Keluarga, Pendidikan dan Latihan, Pangkalan Data dan Bantuan Ihsan Penduduk Miskin di Bandar.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting berkata, projek-projek yang akan dilaksanakan itu adalah usaha kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan menjelang tahun 2010.

Katanya, menerusi PPKB, ia akan dilakukan secara spesifik dengan golongan sasarnya

Kita akan dapatkan bantuan daripada semua pihak berkuasa tempatan bagi mengenal pasti golongan miskin di bandar dan seterusnya bantuan dapat disalurkan secara spesifik

adalah keluarga miskin yang mempunyai pendapatan isi rumah di bawah pendapatan garis kemiskinan (PGK).

"Kita akan dapatkan bantuan daripada semua pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi mengenal pasti golongan miskin di bandar dan seterusnya bantuan dapat disalurkan secara spesifik," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan di Dewan Masyarakat Menggatal di sini, hari ini.

Turut hadir Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azi-

zah Mohd. Dun dan Datuk Bandar Kota Kinabalu, Datuk Illyias Ibrahim.

Pada majlis tersebut seramai 284 keluarga menerima bantuan berupa sewa rumah yang disalurkan terus kepada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) berjumlah RM385,248.

Selain dari itu ialah keperluan sekolah anak-anak penerima iaitu peralatan tulis, beg, kasut dan pakaian sekolah.

Ka Ting seterusnya berharap agar pihak PBT dan ahli-ahli majlis memberikan maklumat tepat kepada kementeriannya mengenai penduduk miskin di bawah kawasan masing-masing.

Katanya, ini kerana pada permulaan prog-

ONG KA
TING
Menteri
Perumahan
dan Kerajaan
Tempatan

ram ini ingin dilaksanakan, terdapat PBT yang tidak mengetahui secara tepat penduduk terbabit di dalam kawasan mereka.

"Ini sepatutnya tidak berlaku, kalau kita tidak tahu di mana (orang miskin) macam mana hendak tolong," katanya sambil memberitahu tidak semestinya penduduk di flat adalah miskin kerana kemungkinan turut mempunyai rumah lain.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, kadar PGK adalah berbeza-beza mengikut negeri sebagai contoh Sabah sebanyak RM886 sebulan, Sarawak (RM777 sebulan), Johor (RM624 sebulan), Kedah (RM625 sebulan) dan Pahang (RM524 sebulan).

Beliau berkata, bagi kemiskinan tegar pula, jumlah PGK adalah separuh daripada yang ditetapkan bagi negeri-negeri.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau berkata, masalah kemiskinan penduduk di bandar kini diletakkan di bawah kementeriannya berbanding sebelum ini di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.